

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (Negeri)

TARIKH: 4 FEBRUARI 2020

MUKA SURAT: 35

29 pengamal media terima penghargaan bomba Johor

JOHOR BAHRU - Seramai 29 pengamal media menerima sijil penghargaan daripada Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor sempena Majlis Perbarisan Tahunan Tahun 2020 di sini semalam.

Penyampaian sijil disampaikan oleh Pengarah JBPM Johor, Datuk Yahaya Madis di Ibu Pejabat JBPM negeri Johor di sini.

Yahaya berkata, pengamal media merupakan rakan penting kepada bomba.

“Pihak media telah memainkan peranan yang begitu signifikan dalam menyebarkan maklumat dan berita kepada pihak awam.

“Mereka merupakan penghubung utama dalam memperluaskan hebahan informasi berhubung tugas-tugas dan tanggungjawab kebombaanan,” kata beliau ketika ber-



Yahaya bergambar bersama pengamal media yang menerima sijil penghargaan sempena Majlis Perbarisan Tahunan Tahun 2020 di Ibu Pejabat JBPM Johor semalam.

ucap pada Majlis Perbarisan Tahunan 2020 di sini semalam.

Katanya, pihaknya turut menghargai jasa, pengorbanan dan ke-

beranian luar biasa yang telah dipamerkan beberapa individu bagi menyelamatkan dan memindahkan mangsa banjir tahun lalu.